# SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) KOTA SETAR SECARA PENTADBIRAN

Dikemaskini pada 11 September 2020

## Aktiviti dibenarkan

- Perkhidmatan Perlu (*Essential Services*)
- Mendapatkan Rawatan Kesihatan

## Aktiviti tidak dibenarkan

- Pergerakan dalam kawasan PKPD tanpa kebenaran PDRM
- Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPD
- Pergerakan masuk orang luar ke kawasan PKPD

## Arahan Tetap

- Akta 342
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM
- Arahan dan peraturan di bawah PBT
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yg dikeluarkan oleh Pegawai Diberikuasa di bawah Akta 342

| Waktu Berkuatkuasa | 24 Jam | Waktu Aktiviti Dibenarkan | Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas | Pergerakan Penduduk | Dibenarkan dengan bersyarat |
|---|---|---|---|---|---|

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| Kawasan yang Terlibat | Kota Setar |
| Tempoh Berkuat kuasa | 11 September 2020 sehingga 25 September 2020 (mulai 12.01 am) |
| Kawalan Pergerakan | • PDRM bertanggungjawab melaksanakan kawalan ke atas kawasan tempatan jangkitan dengan bantuan ATM, APM & RELA.<br>• Kenderaan yang membawa barangan keperluan (*essentials*) dibenarkan keluar masuk dengan mendapatkan kebenaran PDRM terlebih dahulu.<br>• Hanya kenderaan perdagangan dan komersial dibenarkan masuk di Pintu Masuk Antarabangsa (PMA) Bukit Kayu Hitam.<br>• Perkhidmatan feri di Terminal Feri Jeti Kuala Kedah tidak dibenarkan beroperasi sepanjang tempoh PKPD.<br>• Aktiviti dan perkhidmatan di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim Muadzam Shah dibenarkan beroperasi. Petugas / penumpang perlu mendapatkan kelulusan PDRM.<br>• Perkhidmatan teksi dan e-hailing dibenarkan beroperasi dari jam 6 pagi hingga 10 pagi dan jam 5 petang hingga 10 malam sepanjang tempoh PKPD.<br>• Perkhidmatan keretapi dan KTM di Stesen Keretapi Anak Bukit dan Stesen Keretapi Alor Setar serta bas ekspres di Terminal Bas Shahab Perdana, Alor Setar dibenarkan beroperasi. Bas henti-henti tidak dibenarkan beroperasi.<br>• Bagi kes kecemasan seperti sakit dan kematian, adalah dibenarkan tetapi perlu mengemukakan permohonan pergerakan kepada pihak berkuasa. |

# SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) KOTA SETAR SECARA PENTADBIRAN

Dikemaskini pada 11 September 2020

## Aktiviti dibenarkan

- Perkhidmatan Perlu (*Essential Services*)
- Mendapatkan Rawatan Kesihatan

## Aktiviti tidak dibenarkan

- Pergerakan dalam kawasan PKPD tanpa kebenaran PDRM
- Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPD
- Pergerakan masuk orang luar ke kawasan PKPD

## Arahan Tetap

- Akta 342
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM
- Arahan dan peraturan di bawah PBT
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yg dikeluarkan oleh Pegawai Diberikuasa di bawah Akta 342

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **Waktu Berkuatkuasa** | **24 Jam** | **Waktu Aktiviti Dibenarkan** | **Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas** | **Pergerakan Penduduk** | **Dibenarkan dengan bersyarat** |

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| Larangan Aktiviti Dalam Kawasan PKPD | • Semua pergerakan di dalam Kawasan PKPD tanpa kebenaran PDRM tidak dibenarkan.<br>• Semua aktiviti perniagaan termasuk restoran, pasaraya, kedai runcit, pasar **tidak dibenarkan beroperasi kecuali PKPD diisytiharkan secara pentadbiran**. Sumber makanan dan keperluan asas akan disalurkan oleh pihak Kerajaan. |
| Kelonggaran Aktiviti Dalam Kawasan **PKPD Secara Pentadbiran** | • Restoran, kedai/ gerai makan, kedai runcit dan kedai serbaneka dibenarkan beroperasi antara 8.00 pagi hingga 8.00 malam.<br>• Pembelian makanan hanya menggunakan kaedah pandu lalu, penghantaran *delivery*) atau *take – away* sahaja.<br>• Hanya seorang dari sebuah rumah sahaja dibenarkan untuk keluar bagi tujuan mendapatkan bekalan makanan / keperluan keluarga.<br>• Waktu operasi stesyen minyak antara 8.00 pagi – 8.00 malam sahaja.<br>• Operasi pasar harian adalah antara 6.00 pagi – 2.00 petang sahaja.<br>• Operasi pasar malam dan pasar tani adalah tidak dibenarkan.<br>• Perniagaan bukan perkhidmatan perlu hendaklah ditutup. |
| Perkhidmatan Perubatan/Kesihatan | • Waktu operasi klinik dan hospital kerajaan dan swasta dibenarkan secara 24 jam.<br>• Farmasi dan kedai menjual ubat-ubatan beroperasi mulai 8.00 pagi hingga 8.00 malam. |

# SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) KOTA SETAR SECARA PENTADBIRAN

Dikemaskini pada 11 September 2020

## Aktiviti dibenarkan

- Perkhidmatan Perlu (*Essential Services*)
- Mendapatkan Rawatan Kesihatan

## Aktiviti tidak dibenarkan

- Pergerakan dalam kawasan PKPD tanpa kebenaran PDRM
- Pergerakan keluar penduduk dari kawasan PKPD
- Pergerakan masuk orang luar ke kawasan PKPD

## Arahan Tetap

- Akta 342
- Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM
- Arahan dan peraturan di bawah PBT
- Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yg dikeluarkan oleh Pegawai Diberikuasa di bawah Akta 342

**Waktu Berkuatkuasa** | **24 Jam**

**Waktu Aktiviti Dibenarkan** | **Seperti ketetapan dalam penerangan ringkas**

**Pergerakan Penduduk** | **Dibenarkan dengan bersyarat**

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| Aktiviti Pekerjaan | • Penduduk yang bekerja tidak dibenarkan untuk keluar dari kawasan dan tidak boleh bekerja sepanjang tempoh PKPD. Majikan hendaklah mematuhi perintah ini dan membenarkan pekerja bercuti atau bekerja dari rumah (*work from home)*.<br>• Kebenaran untuk bekerja hanya bagi perkhidmatan perlu (*essential services*) dengan kelulusan pihak berkuasa. |
| Premis Sosial dan Pendidikan | Masjid, surau, rumah ibadat bukan islam, Institut Pengajian Tinggi Awam & Swasta, Institut Latihan Kemahiran, sekolah, tadika, taska, pusat tahfiz, pusat jagaan kanak – kanak, taman awam, pusat rekreasi, *indoor & outdoor playground* adalah ditutup. |
| Aktiviti Sukan, Rekreasi, Sosial dan Budaya | Semua aktiviti sukan, rekreasi, sosial dan budaya adalah tidak dibenarkan. |